

[BERITA](#) [SUKAN](#) [DUNIA](#) [HIBURAN](#) [BISNES](#) [RENCANA](#) [WANITA](#) [HUJUNG MINGGU](#) [BH KAPSUL](#) [COVID-19 VAKSIN](#)

OLIMPIK 2020

Langkah mengurung rakyat tak lagi sesuai - Ismail Sabri

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - September 14, 2021 @ 11:42am
bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Langkah kerajaan untuk terus mengurung rakyat tidak lagi sesuai dalam usaha negara untuk bebas daripada pandemik COVID-19, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, langkah itu dikhawatir boleh mendatangkan banyak implikasi kepada rakyat dan bagi tujuan itu juga, kerajaan kini melihat keutamaan untuk membuka sektor ekonomi secara berperingkat.

"Rakyat mesti berdisiplin untuk membuat kawalan kendiri untuk jaga disiplin. Hari pertama apabila ada tempat percutian dibuka, ada yang masih tidak pakai pelitup muka pun.

"Masa depan negara kita untuk bebas daripada COVID-19 bergantung pada kita sendiri. Kita tidak boleh harapkan orang lain, kawalan kendiri sangat penting, kalau tidak usaha kita selama ini akan jadi sia-sia saja," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Salim Sharif (BN-Jempol) pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Ketika menjawab soalan asal Mohd Salim, Ismail Sabri berkata, data pemberian terkini vaksin menunjukkan seramai 74.7 peratus rakyat dewasa di negara ini sudah menerima dua dos vaksin manakala satu dos penerima adalah seramai 91.6 peratus.

Sementara itu menjawab soalan tambahan Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (PH - Kulim Bandar Baharu), beliau berkata, keputusan kerajaan untuk membuka semula 11 sektor ekonomi dibuat berdasarkan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan (KKM) disamping pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat di setiap premis perniagaan yang dibenarkan dibuka.

"Kita bersandarkan kepada 11 aktiviti yang dibenarkan dan kita berdasarkan sains dan data, menunjukkan dari segi kluster yang diwujudkan dari 11 sektor ekonomi ini, ramai mengatakan gunting rambut bahaya.. ramai kontak rapat, tapi sepanjang 2020 hanya satu melibatkan kluster gunting rambut.

"Begini juga salon, tidak ada kes (kluster) salon. Kedai cuci kereta juga, kononnya ramai pekerja Bangladesh tentu jangkitan lebih mudah, tapi sepanjang 2020, tidak ada kes membabitkan kedai cuci kereta," katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri juga menjelaskan pelantikan Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN) adalah bersandarkan tugasnya yang terdahulu dan kerajaan memberi kepercayaan untuk beliau meneruskan tugasnya.